



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	13/12/2019	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Semua PPS ditutup

KOTA TINGGI - Banjir di daerah ini pulih sepenuhnya apabila dua pusat pemindahan sementara (PPS) di Sekolah Kebangsaan (SK) Teluk Ramunia dan SK Mawai yang menempatkan 70 mangsa banjir dari enam kampung pagi semalam ditutup kira-kira jam 12.30 tengah hari semalam.

Menurut laporan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Kota Tinggi, dua PPS tersebut dibuka bagi menempatkan mangsa banjir sejak Ahad lalu.

Mengikut laporan jam 8 pagi semalam, PPS SK Teluk Ramunia menempatkan 46 mangsa banjir daripada 13 keluarga melibatkan penduduk dari Kampung Baharu, Kampung Changi dan Kampung Jumis Bukit.

PPS SK Mawai pula menempatkan 24 mangsa daripada lapan keluarga melibatkan penduduk dari Kampung Mawai Lama, Kampung Mawai Baru dan Kampung Haji Mohd Jambi.

Sementara itu, tiga PPS ditutup lebih awal kelmarin melibatkan PPS di Kolej Vokasional Kota Tinggi, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) New Kota dan Dewan Seri Teratai Batu 4.